


MELIHAT AMERIKA DARI JAUH

MELAWAT AIR TERJUN DI NIAGARA

(Oleh Ahmad Hussin)

Satu daripada pemandangan-pemandangan alam yang masyhur sekali di Amerika Syarikat ialah air terjun Niagra. Air terjun yang sangat besar ini ialah letaknya antara Tasik Eerie dengan Tasik Ontario dengan demikian mencantumkan kedua buah tasik itu. Kedua buah tasik ini ialah dalam kumpulan tasik-tasik yang besar di benua Amerika Utara yang mengandungi Tasik Superyard, Tasik Michigan, Tasik Horn, Tasik Eerie dan Tasik Ontario. Air Tasik Ontario mengalir terus ke Sungai St. Lorenz yang melalui kawasan tenggara Kanada dan mencurahkan airnya ke Laut Atlantik. Tanah kawasan utara Amerika adalah penuh dengan tasik. Jika seorang naik kapal terbang dan terbang melalui kawasan itu ia akan melihat di bawahnya tasik sebegitu banyak bertabur di muka bumi sehingga menakutkan, terutamanya kepada seorang dari Tanah Melayu yang tak pernah melihat tasik yang banyak dan besar-besar seperti itu. Sebenarnya satu daripada pemandangan yang sangat menarik hati seseorang pelawat yang naik kapal terbang menuju ke selatan melalui kawasan pantai timur Amerika Utara ialah bilangan tasik yang dilihatnya di bawah. Nampaknya seolah-olah tak habis. Jika dikatakan kawasan utara Amerika itu ialah kawasan tasik maka pada pandangan penulis gelaran itu sudah sesuai. Tidaklah juga menjadikan hairan bahawa dalam kawasan di mana tasik-tasik yang besar bercantum maka ada di situ sebuah air terjun yang amat besar.

Pada waktu saya berada di Amerika satu daripada tempat-tempat yang saya berazam hendak melihat ialah air terjun Niagra. Jadinya dalam musim bunga tahun 1952 iaitu pada penghujung bulan Mei saya pun bertolak dari New York ke Niagra bersama-sama dengan beberapa orang rakan saya daripada orang Burma. Seorang daripada rakan-rakan saya itu, Maung Kin namanya, mempunyai sebuah motorkar dan kami pergi ke Niagra dengan keretanyalah. Dalam kumpulan itu termasuklah tiga orang kawan lagi, iaitu Maung Maung Luin, Maung Thain, dan Gladis, isteri Maung Kin. Kami bertolak dari New York lebih kurang pukul sepuluh pagi. Untunglah kami telah membuat perjalanan itu pada hari Jumaat kerana jika pada hari Sabtu kami tentulah akan terlambat beberapa jam oleh sebab pada hari itu boleh dikatakan semua orang yang mempunyai motorkar di New York hendak keluar makan angin sehingga semua jalan beberapa batu panjangnya penuh sesak dengan motorkar. Dalam musim bunga hawanya sedap dan keadaan adalah permai. Jalan ke Niagra itu melalui kampung-kampung, tanah-tanah gunung dan kawasan-kawasan ladang. Pemandangan dalam kawasan-kawasan ladang dan apabila melalui jalan gunung sangatlah permai dan menyukakan hati. Ladang-ladang itu luas-luas belaka. Pada satu tempat di gunung kami telah berhenti sekejap kerana di sini nampaknya tempat berhenti dan berehat serta melihat pemandangan yang jauh di bawah. Orang boleh menggunakan teropong yang ditempatkan di situ dengan membayar dua puluh lima sen. Di bawah saya lihat tanah ladang sejauh mata memandangi dan di bawah



Gambar ini menunjukkan air terjun di sebelah Amerik Syarikat. Ramai orang melawatnya. Di belakang ialah jambatan yang menghubungkan Amerika Syarikat dengan Kanada dan menyeberangi gaung yang dalam di Niagara. (Gambar Ahmad Hussin).

kaki gunung itu ada sebuah sungai dan di tebing sungai itu ada satu jalan keretapi yang menuju ke utara. Di sini orang berhenti sekejap sahaja kerana melepaskan dahaga atau berhenti penat. Oleh kerana masa itu ialah musim bunga angin sedap sahaja dan bumi diliputi oleh tanaman-tanaman dan pohon-pohon nampaknya segar sahaja dengan daun mereka yang lebat lagi hijau. Lepas setengah jam berhenti itu berjalan semula menuju Niagara, kami melalui beberapa banyak bandar-bandar yang kecil, antaranya ialah sebuah bandar yang bernama Betawi. Di Amerika ada banyak juga bandar yang nama-namanya diambil daripada bandar-bandar di Eropah atau lain-lain tempat dalam dunia, seperti Troy, Syracuse, Lubnan, Kaherah, Manchester, Delhi, Canton dan lain-lain. Nama-nama ini ialah nama-nama angkat. Rakan saya tuan Maung Kin telah membawa keretanya dengan tetap. Dalam perjalanan kami ke Niagara itu kawan

saya tersebut telah membawa keretanya keluar dari bandar New York dan kawasan New Jersey dengan selamat. Tetapi satu perjalanan itu tidaklah boleh dikatakan selamat sehingga sampai ke tempat yang dituju dengan tidak menempuh apa-apa kemalangan. Kami telah berjalan dengan aman lebih kurang dua ratus batu manakala di sebuah bandar yang kecil yang boleh dikatakan kampung kereta kami telah bergesel dengan sebuah kereta yang sudah sangat tua umurnya, dan tuan punya kereta itu ialah seorang yang sudah lepas pertengahan umur. Tuan Maung Kin dengan serta merta memberhentikan keretanya dan kereta yang satu lagi itu pun berhenti juga. Orang tua itu nampaknya sudah naik berang kerana keretanya kena gesel. Kawan saya dan dia pun pergi ke rumah pasung kerana hendak memberitahu penulis dan menyelesaikan kejadian itu. Kami yang di dalam kereta sudah tak sedap hati kalau-kalau perkara itu menjadi

panjang. Tak lama kemudian kami melihat seorang polis beserta dengan kawan saya dan orang tua tersebut memeriksa kereta yang dipunyai oleh orang tua itu dan lepas beberapa minit mereka memeriksa dan membahaskan kerosakan dan kejadian itu. Perkara itu pun diselesaikan dengan aman.

Kami telah sampai di Niagara pukul sepuluh setengah malam. Kami semua berasa lapar dan letih lepas sehari dalam kereta. Sesudah makan kami pun pergi mencari hotel-hotel kecil tempat tidur. Beberapa buah daripada hotel itu sudah penuh. Tetapi dapat juga kami menyewa tiga buah bilik di sebuah daripada hotel-hotel itu. Di sini patutlah penulis menyebut bahawa bandar Niagara yang letaknya dekat dengan air terjun yang masyhur itu ialah tempat orang pergi berbulan madu. Dan terutamanya dalam musim bunga banyak orang-orang yang baharu kahwin dan pelawat-pelawat pergi ke sana. Pagi esok kami pun keluar melawat air terjun Niagara. Saya telah lama

berhajat hendak melihat air terjun yang sangat terkenal ini dan sekarang saya telah sampai ke tempatnya dan sebelum saya dapat melihat airnya bahana bunyi air terjun itu sudah pun sampai ke telinga seperti bunyi beberapa buah kapal terbang di langit. Waktu kami berjalan menuju air terjun itu saya lihat banyak kedai-kedai yang menjual barang-barang dan gambar-gambar berkenaan dengan Niagara. Nampaknya banyak orang boleh mencari makan di situ sebab adanya air terjun itu. Apabila kami sampai ke tebing air terjun itu saya lihat air yang banyak mengalir dengan derasnyanya meliputi satu kawasan yang luas seperti sebuah sungai besar dan air itu apabila sampai sahaja ke satu tempat dengan serta-merta terjun mencurah ke bawah menimpa batu dan air yang ada lebih seratus kaki di bawah dan tempat air terjun adalah diliputi oleh kabus dan tidak dapat dilihat dengan terang. Air terjun Niagara itu mencurah-curah datangnya dan dengan deras dan nampaknya siapa yang jatuh



Air terjun Niagara dilihat dari tebing sebelah Amerika Syarikat. Di seberang ialah kawasan negeri Kanada. Sebahagian daripada air terjun ini di sebelah Amerika dan sebahagiannya di sebelah Kanada. Lihat wap air seperti kabus itu. (Gambar Ahmad Hussin)

akan disapu dengan sekelip mata. Niagara itu mendapat airnya daripada tasik-tasik yang besar yang telah disebutkan dahulu dan iaitu juga menjadi perenggan antara Amerika Syarikat dengan Kanada dan iaitu juga terbahagi dua, sesuatu bahagian Amerika Syarikat dan satu bahagian Kanada. Di tengah-tengah air terjun itu ada dua tiga buah pulau, besar dan kecil dan jambatan-jambatan menyambung antara pulau dengan pulau. Sebenarnya air terjun ini sangatlah hebat lagi gerun kerana air yang besar yang menyapu dengan deras dan terjun ke bawah itu adalah mempunyai kekuatan yang mengecilkan kekuatan manusia dan menunjukkan serta menyedarkan manusia akan kuasa-kuasa kejadian alam. Bunyinya sahaja terlalu hebat dan apabila air itu menjunam ke bawah maka kita mempunyai perasaan bahawa tiada satu kuasa dalam dunia boleh menahan air itu. Air terjun Niagara yang terbahagi dua itu mencurahkan airnya ke dalam satu gaung dan air dalam gaung itu mengalir ke suatu tempat yang lebih kurang seperti bulatan rupanya dan di sini, lebih kurang dua batu jauhnya dari tempat air terjun, air mengalir masuk itu berputar-putar dengan rupa yang mengerikan hati orang yang melihatnya. Gaung Niagara yang dalam itu adalah menceraikan Amerika Syarikat dengan Kanada tetapi ada sebuah jambatan besar menyambungkan tebing Amerika dengan tebing Niagara.

Kebanyakan orang melihat air terjun dari atas. Tetapi air terjun itu boleh juga dilihat dari bawah. Ada sebuah kapal kecil yang belayar dalam gaung di bawah air terjun dan kapal ini membawa orang-orang yang suka hendak melihat air terjun dari bawah. Dalam air yang bergelora itu kapal itu yang bernama "*De Midauf de Mist*" membawa penumpang-penumpangnya yang masing-masing sudah meninggalkan pakaian biasa mereka kerana memakai baju, seluar dan topi hujan, hingga dekat dengan air terjun yang mencurahkan turun dari atas seperti air bah yang maha besar itu. Bagaimanakah perasaan mereka yang melihat air terjun dari kapal itu tidaklah penulis ketahui. Tetapi bolehlah kita membayangkan perasaan

mereka itu jika katakanlah kita sendiri ada dalam kapal itu belayar dalam gaung yang besar yang penuh dengan air yang luar biasa kuat geloranya dan melihat air mencurahkan dari atas dengan besar dan hebatnya seolah-olah kapal yang kecil itu akan diliputi oleh air itu dan disapu ke bawah dengan dahsyatnya. Tidak syak lagi tiap-tiap seorang daripada mereka yang telah naik kapal itu kerana hendak melihat air terjun Niagara adalah mempunyai satu pengalaman yang tidak akan dilupai seumur hidup.

Kami pun telah mengambil peluang melihat air terjun itu dari bawah, tetapi bukan cara naik kapal dalam gaung. Kami mengikut jalan bawah tanah dan apabila kami keluar kami mendapati diri kami dekat kaki air terjun. Tingginya air terjun itu ialah lebih kurang seratus enam puluh kaki dan kami telah turun ke bawah sejauh itu dengan memakai lift. Kami juga telah menukar pakaian memakai pakaian hujan kerana jika tidak baju kami sekalian akan habis basah. Dari bawah bunyi air terjun itu menjadi lebih besar dan kuat dan airnya turun seperti air pecah empang. Ada kalanya kerana air terjun yang mercik itu banyak sehingga jalan pun tak dapat dilihat dengan terang di atas jambatan dan orang terpaksa berjaga-jaga supaya jangan jatuh. Air terjun Niagara sebenarnya air terjun yang sangat besar dan menakutkan.

Pemandangan pada malam hari adalah berlainan daripada pemandangan siang hari di Niagara. Apabila cahaya lampu-lampu suluh ditujukan ke atas air terjun itu dengan berbagai-bagai warna maka kehebatan air terjun itu telah kurang sedikit dan keindahannya disebabkan oleh cahaya-cahaya yang berwarna itu pula muncul pada waktu malam manakala cahaya-cahaya lampu dimainkan di atas air Niagara itu sekalian orang berkerumun di tebing air terjun kerana hendak menyaksikan pemandangan yang indah itu. Dari Tasik Eerie air terjun itu jauhnya 22 batu dan jaraknya Tasik Eerie

(sambungan pada muka 33)